

10/04/2004

Spekulasi Subra dan komen Dr Mahathir

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

MASA depan Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam menjadi bicara utama Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) minggu ini berikutan beberapa keputusan utama Presiden parti, Datuk Seri S Samy Vellu yang membayangkan seolah-olah Subramaniam semakin tersisih.

Pengecualian Subramaniam daripada menyertai Majlis Presiden MIC yang dianggotai pemimpin kanan serta wakil rakyat parti membuatkan kebanyakan media Tamil tempatan semakin berani membuat spekulasi kemungkinan beliau akan disingkirkan terus daripada parti.

Tindakan Samy Vellu mengecualikan Subramaniam daripada senarai anggota majlis berkenaan yang ditubuh minggu lalu secara tidak langsung mengukuhkan andaian umum bahawa beliau tidak ada tempat lagi dalam MIC.

Nesan melaporkan bahawa kecemerlangan MIC memastikan semua 28 kerusi yang ditandingi pada Pilihan Raya Umum 2004, memudahkan lagi tugas MIC menyisihkan Subramaniam tanpa mengundang amarah Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Lidah pengarang Nanban pula membuat kesimpulan bahawa perselisihan faham di antara Subramaniam yang lebih dikenali sebagai Subra dan Samy sebenarnya sudah berlarutan hampir 25 tahun dan apa yang berlaku sekarang bukan menjadi kejutan.

Kedua-dua akhbar turut meramalkan MIC bakal menyaksikan beberapa perubahan ketara dalam pucuk pimpinan tertingginya dalam masa terdekat, yang akan menjawab segala teka-teki berhubung kedudukan Subra sekarang dalam MIC.

Kehilangan Subra dikatakan tidak memberi kesan ketara terhadap parti berdasarkan reaksi masyarakat India terhadap pengguguran beliau daripada senarai calon Pilihan Raya Umum Ke-11 MIC. Justeru, penyingkiran Subra juga kini bukan mustahil dilakukan.

Dalam perkembangan lain, lidah pengarang Nesan melaporkan bahawa majoriti pengundi India memilih BN pada pilihan raya lalu. Analisis membabitkan 62 kawasan Parlimen mempunyai lebih 10 peratus pengundi India mencatatkan kejayaan 93.5 peratus kepada BN dengan hanya empat kekalahan di kawasan majoriti pengundi Cina.

Kajian terhadap 139 kerusi Dewan Undangan negeri (DUN) yang mempunyai lebih 10 peratus pengundi India mendapati BN memperoleh 97.1 undi dan hanya kalah di empat kawasan majoriti pengundi Cina yang dimenangi DAP.

Nesan juga melaporkan mengenai peningkatan mendadak permohonan menyertai Pemuda MIC berikutan kemenangan tiga calonnya iaitu Ketua Pemuda MIC, SA Vigneswaram; timbalannya, S Ramish dan Timbalan Ketua Pemuda MIC Johor, A Asojan, yang menang dalam Pilihan Raya Umum 2004.

Kemenangan Vigneswaran di Parlimen Kota Raja, Selangor dan Ramish (Kahang) serta Asojan (Gambir), kedua-duanya di Johor, disifatkan sebagai faktor pendorong utama, lebih-lebih lagi dengan pelantikan Vigneswaran sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan.

Difahamkan, hampir 20,000 borang permohonan menjadi ahli sudah diedarkan sejak keputusan pilihan raya umum diketahui 22 Mac lalu kerana menyedari barisan Pemuda turut berpeluang beraksi dalam arus perdana politik negara.

MIC kini mempunyai 110,000 ahli dan seramai kira-kira 5,200 remaja lagi menyertai sayap Briged Putera pergerakan itu yang akan diserap ke dalam badan induk secara berperingkat apabila mencapai usia 18 tahun. Ini adalah kali pertama calon Pemuda MIC bertanding dalam pilihan raya umum.

Sementara itu, Sin Chew Daily memetik bekas Perdana Menteri, Tun Dr

Mahathir Mohamad mengaku satu daripada punca Barisan Nasional (BN) kehilangan 300,000 undi Melayu pada Pilihan Raya Umum 1999 ialah segelintir masyarakat itu yang tidak puas hati dengannya.

"Tetapi saya tak fikir ia titik hitam dalam riwayat politik saya. Sebagai ketua pentadbiran negara, saya terpaksa buat keputusan yang memanfaatkan negara dan ia tak semestinya menggembirakan setiap orang," katanya Rabu lalu.

Beliau berkata, ramai orang menuding jari, membencinya dan tidak menyokong BN kerana kes bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, di negara yang berbilang kaum ini, setiap keputusan yang dibuat akan menggembirakan sesetengah pihak dan sebahagian lagi kecewa.

"Jika nak setiap orang suka saya, saya pun tak boleh buat apa-apa. Ini ialah kenyataan, saya terpaksa terima. Ada orang suka kita, ada yang tidak.

"Saya sering tanya diri, perkara yang dilakukan betul atau tidak...itu sudah mencukupi," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau memahami sebab masyarakat Melayu tidak menyokong kerajaan pada masa itu. Ini kerana, walaupun mereka tidak menyetujui tindakan Anwar, mereka tidak mahu melihat beliau mendapat layanan sedemikian.

Satu daripada faktor BN mencapai keputusan cemerlang pada Pilihan Raya Umum ke-11 ialah beliau sudah bersara dan mereka yang tidak menyukainya satu ketika dulu kini beralih menyokong kerajaan BN semula.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang kembali ke Dewan Rakyat sebagai ketua pembangkang adalah perkara baik jika dilihat dari sesuatu sudut.

"Ini kerana, jika dibandingkan dengan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Kit Siang jika menjadi ketua pembangkang, kadang-kala beliau secara rasional akan menyokong dasar kerajaan seperti tindakan membasmi rasuah.

"Tetapi, Hadi Awang ialah seorang pemimpin pembangkang tulen," katanya sambil menjelaskan Kit Siang kadang-kala rasional dan ada masa sebaliknya.

Beliau berkata, pengundi Cina mungkin bukan menyokong DAP tetapi ingin menghantar Kit Siang dan Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh ke Dewan Rakyat untuk menjadikan kehidupan 'lebih menarik'.